

lokal

Oleh Hazri A Bakar
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

SALAH GUNA PERMIT

Warga Bangladesh tular di laporan Al Jazeera tinggal di negara ini sejak 2014

Warga Bangladesh, Rayhan Kabir yang muncul dalam laporan 101 East Al Jazeera dengan pelbagai tohmahan dan dakwaan palsu mendakwa wujud diskriminasi dalam cara Malaysia mengendalikan kes Covid-19 membabitkan warga asing, dikatakan berada di negara ini sejak 2014 dan memiliki permit kerja dalam sektor pembinaan.

Sebelum ini tular profil media sosial milik lelaki

berkecuali yang turut tertera pekerjaannya sebagai ketua pemasangan bagi sebuah syarikat produksi. Syarat produksi itu melalui satu kenyataan semalam bagaimanapun menafikan warga Bangladesh itu adalah kakitangan mereka.

Rayhan kini diburu Jabatan Imigresen Malaysia (JM) bagi membantu siasatan di bawah Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155).

Kesalahan melanggar atau gagal memenuhi syarat pas atau permit mengikut Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 memperuntukkan hukuman penjara hingga enam bulan atau denda hingga RM1,000 atau kedua-duanya sekali. Untuk rekod, Kementerian Dalam Negeri (KDN) menetapkan Bangladesh sebagai salah satu negara sumber tenaga hanya dibenarkan untuk bekerja di sektor perkelangan, pembinaan, pertanian, perladangan, perlombongan serta pengkuarian dan perkhidmatan.

Bagi sektor perkhidmatan, KDN menyenaraikan tukang masak di restoran, pencucian dan pembersihan, bekerja di pulau peranginan, hotel, spa dan refleksiologi, kedi golf dan pengendalian kargo di pelabuhan dan lapangan terbang.

Sektor pembinaan atau produksi filem bagaimanapun tidak disenaraikan sebagai salah satu sektor yang membenarkan warga Bangladesh diambil bekerja.

Sumber berkata, permit kerja dalam sektor pembinaan yang dimiliki Rayhan kini memasuki

tahun ketiga di negara ini untuk bekerja dalam sektor pembinaan. Difahamkan, permit kerja bagi pekerja asing boleh dilanjutkan sehingga 13 tahun namun perlu diperbaharui setiap tahun.

Jabatan Imigresen Malaysia semalam meminta kerjasama orang awam untuk menjejaki Rayhan Kabir, berusia 25 tahun dan dikesan di alamat terakhir di Sirhan Legacy, Jalan Loke Yew, Kuala Lumpur.



RAYHAN



Polis terima kes dokur

Kuala Lumpur: Polis menerima lima laporan berkaitan dokumentari agensi berita antarabangsa Al Jazeera berhubung layanan terhadap warga asing ketika negara memerangi pandemik Covid-19 sejak 10 Jun lalu. Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (ISJ) Bukit Aman, Datuk Huzir

Kuala Lumpur: "Laporan disia kan agensi ber antarabangsa l keraan tidak b kerana hakikat mereka (warga asing) menerima watan dan dilayar ngan baik oleh ser petugas kesihatan se